

26 AUG 1997

Muhyiddin-Komanwel

MUHYIDDIN BIMBANG PENGANGKUTAN AWAM UNTUK SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau tidak yakin sistem pengangkutan awam yang sedia ada di Lembah Klang boleh menampung keperluan semasa Sukan Komanwel tahun depan.

"Saya bimbang bila penonton datang, pengangkutan awam tidak beroperasi dengan baik dan ini akan menimbulkan masalah kepada kita," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Komanwel di sini hari ini. Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad, Jen (B) Tan Sri Hashim Ali.

Dua buah syarikat bas di ibu kota iaitu Intrakota dan Park May kini masing-masing mempunyai 1,500 dan 600 bas selain terdapat lebih 11,000 teksi.

"Persoalannya cukup atau tidak saya tak dapat jawab kerana kita tidak tahu berapa ramai penonton yang akan datang," kata Muhyiddin.

Jawatankuasa Keselamatan dan Trafik yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor menjangkakan hampir 70 peratus pengunjung akan menggunakan kenderaan sendiri.

Jawatankuasa itu telah diminta menyediakan satu pelan tindakan yang sesuai bagi memastikan sistem pengangkutan yang terbaik bagi peserta Sukan Komanwel dan orang awam.

"Ia akan mengambil kira sistem pengangkutan sedia ada seperti LRT, bas dan Komuter. Ia juga akan meneliti semula penyediaan bas-bas shuttle dari tapak meletak kenderaan ke venue," kata beliau.

Muhyiddin berkata satu alternatif yang diberikan oleh polis ialah membenarkan penggunaan kenderaan sendiri bagi mengurangkan beban kenderaan awam tetapi ini akan menyebabkan lebih banyak tapak meletak kereta perlu dicari.

Katanya penganjur akan memastikan jadual pertandingan sukan dan acara-acara sampingan seperti pertunjukan hiburan diadakan pada masa berlainan.

Muhyiddin berkata Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah bersetuju mengeluarkan permit kenderaan awam yang diperuntukkan tahun depan kepada tahun ini bagi membolehkan penyediaan kenderaan lebih awal.

Sistem LRT (rel transit ringan) yang akan beroperasi dari bandar raya ke Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil dianggarkan mampu membawa 24,000 penumpang sejam.

Muhyiddin juga berkata beliau kini berpuas hati dengan publisiti bagi sukan itu berdasarkan laporan Jawatankuasa Publisiti yang diberikan oleh Kementerian Penerangan.

"Terdapat peningkatan...waktu tayangan di televisyen juga telah diubah walaupun bukan waktu utama tetapi hampir dengannya. Lebih 500 papan tanda akan dipasang tahun ini dan tahun depan di seluruh negara," katanya.

Muhyiddin berkata Kementerian Kewangan telah memperuntukkan RM30 juta kepada Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk promosi di luar negeri dan beliau mahu usaha ke arah itu ditambah mulai sekarang.

Isu publisiti sukan itu sebelum ini mencetuskan kontroversi selepas Sukom Berhad didakwa memberikan promosi yang cukup hingga mendorong Hashim meletak jawatan sebelum menarik balik keputusan itu keesokannya.

Muhyiddin juga berkata satu kajian akan dijalankan di Lembah Klang bagi mengenal pasti bilik-bilik atau asrama yang boleh disewakan dengan kadar murah kepada pengunjung tempatan.

"Bukan semua orang mampu tinggal di hotel...kita akan cari tempat yang mereka boleh tinggal dengan kadar murah, misalnya RM10 hingga RM20. Terdapat banyak kemudahan seumpama itu yang dimiliki oleh agensi-agensi kerajaan, terutamanya di Bangi," kata beliau.

Bagi menguji segala kemudahan sebelum temasya itu, semua persatuan sukan telah diminta mengadakan pertandingan ujian.

"Kita akan uji kemudahan venue, sukarelawan, media, sistem keputusan dan teknologi," katanya.

Mengenai upacara pembukaan dan penutupan, Muhyiddin berkata jawatankuasa yang bertanggungjawab telah dibenarkan menggunakan pakar-pakar audio dari luar negara.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pelantikan Presiden Majlis Olimpik Malaysia Tan Sri Hamzah Abu Samah sebagai Timbalan Pengerusi Bersama jawatankuasa eksekutif itu. Seorang lagi timbalan ialah Hashim. -- BERNAMA

AR MAI